



اَوْنِيُوْ سِيْتِيْ رَاتِيْ كُوْ لُوْ كِيْ مَبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

**TEMUBUAL SEJARAH LISAN MENGENAI SEJARAH KAMPUNG BUKIT
TUNGGAL SEGAMAT JOHOR
BERSAMA ENCIK BAHRON BIN HAJI AHMAD**

DISEDIAKAN OLEH:

ABDUL QAYYUM BIN ABDUL RAHMAN

NOOR HIDAYAH BINTI ABD KHADIP

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KHUSUS

DOKUMENTASI SEJARAH LISAN – IMR 604

SEMESTER 5 (SEPT 2017 – JAN 2018)

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN

1.0 ABSTRAK.....	2
2.0 SINGKATAN KATA.....	3
3.0 BIODATA PENULIS.....	4 - 5
4.0 PENGENALAN.....	6
5.0 TRANSKRIP WAWANCARA.....	7 - 55
6.0 LOG WAWANCARA.....	56 - 58
7.0 KRONOLOGI.....	59
8.0 BIODATA TOKOH.....	60
9.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA.....	61 - 64
10.0 RALAT.....	65
11.0 RUMUSAN	66 - 67
12.0 SENARAI RUJUKAN.....	68
13.0 LAMPIRAN	69
14.0 INDEKS.....	70 - 73

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah. Pertama sekali syukur yang tidak terhingga kepada Allah s.w.t yang tidak terhingga kepada Allah s.w.t. yang telah memberikan rahmat dan kesihatan yang baik kepada kami dan dengan izin-Nya juga kami dapat menyiapkan tugas berkenaan penulisan transkrip untuk subjek IMR 604 – Pendokumentasi Sejarah Lisan yang diberikan ini dengan jayanya pada masa yang ditetapkan. Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah subjek IMR 604 – Dokumentasi Sejarah Lisan, iaitu Encik Zul Azmi Bin Ishak yang begitu sabar mengajar kami sepanjang semester lima ini. Beliau telah memberikan banyak tunjuk ajar, galakan dan maklumat kepada kami bagi menyiapkan tugas ini. Tidak dilupakan juga, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa kami yang telah banyak memberikan sokongan moral, doa dan nasihat yang tidak putus-putus dari jauh. Setinggi-tinggi penghargaan ingin kami tujukan kepada Encik Bahron bin Haji Ahmad yang menjadi pengkisah dalam penulisan transkrip kami ini. Beliau telah memberikan banyak maklumat dan kerjasama yang begitu baik sekali semasa temuduga sekaligus memenuhi keperluan subjek ini. Sesungguhnya kami sangat menghargai jasa beliau dalam membantu kami. Akhir sekali, sekali lagi kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah, rakan-rakan dan semua yang telah terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu kami. Allah sahaja yang dapat membalas jasa anda sekalian.

Terima kasih.

ABSTRAK

1.0 ABSTRAK

Abstrak: Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Bahron bin Haji Ahmad mengenai sejarah Kampung Bukit Tunggal dan sedikit sebanyak maklumat mengenai diri dan keluarga Encik Bahron bin Haji Ahmad. Dalam mengetuai kampung sebagai ketua Kampung Bukit Tunggal. Transkrip temubual ini dijalankan di Balai Raya Kampung Bukit Tunggal pada 13 Disember 2017 bermula pada jam 3 petang. Transkrip ini juga menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau mengendalikan kampung, malahan dari segi sejarah yang berkisar di sini juga turut disentuh dan ternyata sejarah di Kampung Bukit Tunggal ini banyak sejarah yang menarik dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan dan pelaksanaan yang teratur oleh jawatan tertinggi. Malahan, harapan yang teramat tinggi oleh ketua kampung untuk menaik taraf Masjid Kampung Bukit Tunggal dalam membantu penduduk dan kemudahan untuk semua.

Kata Kunci: Kampung Bukit Tunggal, Ketua Kampung

SINGKATAN KATA

2.0 SINGKATAN KATA

AJK	Ahli Jawatankuasa
BRIM	Bantuan Rakyat Satu Malaysia
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
JKR	Jabatan Kerja Raya
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
MB	Menteri Besar
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
SU	Setiausaha
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UMNO	United Malay National Organisation
YDP	Yang DiPertua

BIODATA PENULIS

3.0 BIODATA PENULIS



NAMA : ABDUL QAYYUM BIN ABDUL RAHMAN

NO ID UITM : 2016648602

TARIKH LAHIR : 24/9/1993

TEMPAT LAHIR : HOSPITAL TAPAH, PERAK

NO TEL : 017-5962680

ALAMAT RUMAH : NO.53 JALAN EMPAT TAMAN DESA DAMAI, 35500 BIDOR
PERAK



NAMA : NOOR HIDAYAH BINTI ABD KHADIP

NO ID UITM : 2016648652

TARIKH LAHIR : 23/11/1995

TEMPAT LAHIR : HOSPITAL JITRA, KEDAH

NO TEL : 013-6487958

ALAMAT RUMAH : KAMPUNG PAYA KERIANG MENYABONG, MUKIM NAGA,
06000 JITRA KEDAH

PENGENALAN

4.0 PENGENALAN

4.1 Objektif kajian

- Mengetahui serba sedikit sejarah mengenai Kampung Bukit Tunggal
- Mengenal dengan lebih dekat individu-individu penting dalam sebuah kampung
- Mendapatkan gambaran sebenar tentang peranan seorang ketua kampung di dalam sesebuah institusi perkampungan

4.2 Kaedah kajian

Kaedah yang kami gunakan dalam melaksanakan temubual bersama wakil Kampung Bukit Tunggal iaitu ketua kampung adalah seperti berikut:

- Kami melakukan pencarian maklumat mengenai kampung
- Kami juga mencari wakil kampung di Masjid Kampung Bukit Tunggal, untuk mengenal pasti individu yang boleh membantu kami dalam penceritaan sejarah yang ada di sini
- Kami juga membuat rujukan bersama pensyarah berkaitan langkah-langkah serta nasihat dalam menjalankan kajian temubual bersama wakil kampung iaitu ketua kampung
- Kami juga mendapat keizinan dan persetujuan daripada ketua kampung melalui surat rasmi serta panggilan telefon.
- Kami juga melakukan beberapa sesi pertemuan bersama ketua kampung iaitu untuk sesi suai kenal, mengenai kampung, sekilas cerita yang menarik yang terdapat di Kampung Bukit Tunggal ini. Manakala, sesi rasmi rakaman kami lakukan di Balai Raya Kampung Bukit Tunggal dan penceritaan sejarah Kampung Bukit Tunggal.

**TRANSKRIP
WAWANCARA**

5.0 TRANSKRIP WAWANCARA

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan bersama Encik Bahron Bin Haji Ahmad, yang merupakan Ketua Kampung bagi Kampung Bukit Tinggi, Jementah, Segamat. Beliau yang adalah seorang yang berwawasan tinggi dan mempunyai pelbagai perancangan untuk kemajuan dan kesejahteraan penduduk serta kampungnya. Rakaman ini dijalankan di Balai Raya Kampung Bukit Tinggi pada 13/12/2017 bermula pada jam 3 petang. Wawancara ini dikendalikan oleh Abdul Qayyum bin Abdul Rahman (2016648602) dan Noor Hidayah binti Abd Khadip (2016648752). Dengan segala hormatnya, kita mulakan temuramah ini.

Abdul Qayyum: Selamat Petang Encik.

Bahron Ahmad: Selamat Petang.

Abdul Qayyum: Boleh kami tahu nama penuh Encik terlebih dahulu?

Bahron Ahmad: Bahron bin Haji Ahmad.

Abdul Qayyum: Boleh kami panggil nama singkatan?

Bahron Ahmad: Nama singkatan saya takde lah [tidak ada] biasa diorang [mereka] panggil memang Bahron lah.

Abdul Qayyum: Boleh kami tahu usia Encik Bahron?

Bahron Ahmad: Usia saya baru enam puluh (60) tahun.

Abdul Qayyum: Bilakah Encik Bahron dilahirkan?

Bahron Ahmad: Saya dilahirkan sepuluh (10) hari bulan tujuh (7) sembilan belas lima puluh enam (1956).

Abdul Qayyum: Dimanakan Encik Bahron dilahirkan?

Bahron Ahmad: Saya memang dilahirkan di Kampung Bukit Tunggal lah.

Abdul Qayyum: Pada masa terluang, apakah hobi yang Encik lakukan pada masa itu?

Bahron Ahmad: Kalau nak ikutkan waktu terluang ni memang banyak aktiviti yang saya lakukan selain daripada jawatan ketua kampung, saya adalah YDP Daerah YDP Ketua Kampung Daerah Segamat yang mana tugas saya memang boleh katakan sentiasa penuh jadinya kadang-kadang masa terluang tu [itu] memang tidak mencukupi untuk kita menyelesaikan jadual-jadual yang sedia ada apatah lagi kalau kita untuk kita membuat perlaksanaan, tanggungjawab sebagai keluarga maknanya tanggungjawab sebagai keluarga maksudnya kita membuat kerja-kerja kampung untuk keluarga kita jadi kalau ikut masa terluang tu memang terlalu penuh. Sedia maklum lah saya menjaga ketua-ketua kampung daerah Segamat seramai lima puluh tujuh (57) ketua kampung yang

dikenalpasti pada tiap-tiap satu (1) bulan kita memang akan membuat mesyuarat ketua-ketua kampung negeri jadinya mesyuarat tu [itu] dia ada akan digilirkan contohnya yang baru minggu lepas saya mesyuarat di Batu Pahat dan sebelumnya di Johor Bahru dan yang akan datang nanti mungkin ikut giliran lah giliran daerah daerah daerah yang mana kena jadi apatah lagi hujung-hujung tahun ni [ini] terlalu penuh jadual yang di dilaksanakan.

Abdul Qayyum: Boleh Encik ceritakan serba sedikit tentang keluarga Encik sekarang? Siapakah nama Datuk dan Nenek Encik?

Bahron Ahmad: Saya ambik [ambil] daripada keluarga ni [ini] saya dari keluarga datuk dulu, kalau untuk datuk sebelah saya lah yang saya pasti Kromo bin Jokro yang perempuan tu [itu] saya ingat Rubiem, Rubiem tu [itu] saya *confius* [keliru] sedikit dia punya apa tu [itu] binti siapa kerana pada tahun lima puluh an (50-an) beliau meninggal ketika itu saya pun belum lahir lagi jadi saya tak [tidak] ingat lah. Jadi macam keluarga saya maksudnya bilangan keluarga saya sendiri, keluarga saya sendiri saya yang sebenarnya ada lima (5) orang anak dan satu (1) isteri yang ada anak sekarang tinggal empat (4) satu (1) kemalangan tatkala pergi sekolah jadi yang ada sekarang empat (4) orang lah. Cucu ada empat (4) orang cucu jadi yang masih yang masih belajar satu (1) orang, yang bekerja dua (2) orang, satu (1) masih berkerja sendiri membantu saya masih belum ada pekerjaan tetap apa pun saya masih sarankan kepada anak saya yang ada sekarang tu [itu] lelaki supaya beliau cuba bekerja sendiri tetapi sedia maklum lah keadaan sekarang kadang-kadang dari segi tekanan kawan-kawan yang bekerja tetap. Jadi beliau pun memang ada juga mohon kerja luar masih belum ada rezeki apa pun memang kalau tanya saya, saya sarankan beliau biarlah bekerja sendiri kerana saya dulu pun pernah kerja kerajaan juga saya pun meletakkan jawatan bekerja sendiri pun alhamdulillah rezeki itu ada dimana-mana sahaja. Itulah yang saya boleh nyatakan.

Abdul Qayyum: Bagaimana pula tentang spesifik keluarga sekarang Encik?

Bahron Ahmad: Spesifik keluarga saya sekarang alhamdulillah takde [tidak ada] apa-apa sebarang permasalahan. Cuma yang anak saya yang sulung sekali sudah bekerja dengan Jabatan JKR, yang nombor dua (2) pensyarah di Pulau Pinang, yang ketiga (3) tu [itu] yang saya nyatakan tadi tu [itu] lah dan yang keempat (4) masih dalam belajar maksudnya ketika ini beliau masih dalam cuti semester yang bongsu sekali yang sedia ada.

Abdul Qayyum: Bagaimana pula tentang spesifik keluarga ibu bapa dan adik beradik Encik?

Bahron Ahmad: Maksudnya ibu bapa saya, saya nyatakan daripada adik beradik saya dulu, adik beradik saya, saya yang sebenarnya keluarga saya ni [ini] saya satu (1) ibu ada enam belas (16) adik beradik, enam belas (16) adik beradik yang sebahagian besarnya maksudnya semua sekali sudah bekeluarga. Alhamdulillah ada yang bekerja dengan klinik kerajaan dan juga ada juga yang bekerja yang sendiri (bunyi ayam berkokok) (bunyi memberi salam) jadi berkenaan dengan keluarga tu [itu] alhamdulillah lah dari segi keakraban tolong menolong antara satu sama lain apatah lagi kalau ketika kita hujung tahun untuk menghadapi bulan ramadhan sebelum kita akan berkumpul adik beradik semua kita buat tahlil dan juga adik beradik di pada sebelah bapa saya juga alhamdulillah juga pun ada masih lagi jadi saya pak saudara [bapa saudara] daripada orang tua orang tua saya sendiri yang lelaki masih tinggal satu (1) orang pakcik dan juga yang sebelah ibu pun tinggal seorang (1) juga pakcik juga. Itu lah yang ada.

Abdul Qayyum: Sudah berapa lama Encik mendirikan rumah tangga?

Bahron Ahmad: Ohh mendirikan rumah tangga daripada tahun selama tiga puluh enam (36) tahun.

Abdul Qayyum: Boleh tak Encik memberitahu kepada kami nama isteri Encik Bahron?

Bahron Ahmad: Isteri saya bernama Puan Sutilah binti Muhammad Salleh usianya lima puluh lima (55) tahun.

QR: Nama anak-anak dan umur mereka sekarang?

BA: Nama anak-anak ya, nama anak saya yang pertama (1) Mirza Izuan berusia tiga puluh lima (35) tahun, Siti Elmiza dua puluh sembilan (29) tahun, Mazha Ikmal dua puluh tiga (23) tahun, Mazatul Izzani ni [ini] lah baru apa masih dalam cuti baru sampai setahun (1) lapan belas (18) sembilan belas (19).

QR: Anak-anak Encik sekarang masih belajar ataupun sudah bekerja?

BA: Tu [itu] saya nyatakan yang bekerja dua (2) orang yang yang belajar satu (1) orang satu (1) orang lagi bekerja membantu saya lah.

QR: Apakah pekerjaan yang dilakukan oleh anak-anak Encik?

BA: Anak saya yang pertama (1) tadi bekerja dengan Jabatan Kerja Raya, aaa yang kedua tadi tu [itu] pensyarah di Kolej Komuniti Bayan Lepas.

QR: Jadi Encik dan Isteri memang asalnya dari Kampung Bukit Tunggal?

BA: Aaa ya memang betul, saya dan isteri saya memang asal anak Bukit Tunggal jati lah memang kedua-duanya memang lahir di Kampung Bukit Tunggal lah.

QR: Sudah lama Encik menetap di kediaman yang duduk sekarang?

BA: Lamanya duduk sekarang memang lah saya saya dilahirkan memang duduk di Kampung Bukit Tunggal sama ada saya dan juga isteri saya lah sejak daripada lahir lah.

QR: Tahap pendidikan Encik dan isteri sebelum ini?

BA: Pendidikan saya, saya sampai (bunyi motorsikal) ke tingkatan tiga (3) SRP saja dan juga isteri saya sampai tahun enam (6) saja yang isteri lah.

QR: Lepas habis 17 tahun Encik buat apa?

BA: Saya selepas tahun tu [itu] memang orang kampung bermakna saya memang bekerja sendiri dan membantu orang tua lah di kampung dan mohon kerja kampung lah pada buat kebun membantu ibu menoreh dan sebagainya memang itulah memang tugas saya ketika daripada bujang.

QR: Jadi, memang daripada suami isteri sampai anak-anak memang asal Bukit Tunggal, orang Segamat?

BA: Memang saya suami isteri dan juga anak-anak memang semuanya lahir di Kampung Bukit Tunggal.

QR: Boleh Encik cerita serba sedikit berkenaan latar belakang ibu bapa Encik?

BA: Berkenaan latar belakang ibu bapa aaa bapa saya memang asalnya daripada Indonesia. Aaa atuk [datuk] nya itu asal daripada Indonesia dan juga ibu pun asal dari Indonesia kalau ikut sejarah dia ceritanya aaa kedua-dua bapak [bapa], bapak [bapa] kepada atuk [datuk] sebelah bapak [bapa] dan atuk [datuk] sebelah mak [emak] dia sama-sama merantau daripada Indonesia (bunyi lori) ke mari. Jadi dia merantau sama-sama ke mari dia yang sebelah bapak [bapa] duduk di Jementah sini lah yang sebelah ibu di Kampung Jawa, Segamat. Jadinya dia sama-sama merantau dan melahirkan anak kebetulan ada laki [lelaki] dan perempuan disatukan. Ceritanya begitulah apa yang saya dimaklumkan oleh atuk [datuk]. Jadi asal usulnya dia memang asal merantau daripada Indonesia, jadinya selepas menetap disini dapat grant apa yang dia nak jadi dijodohkan itu sejarah dia apa yang telah dinyatakan oleh orang tu [itu] dulu lah.

QR: Ibu bapa Encik memang asal dari Kampung Bukit Tunggal juga ke?

BA: Aaa bapa memang asal daripada Bukit Tunggal lah boleh dikatakan Bukit Tunggal lah ibu dia memang asal dari Kampung Jawa, Segamat, yang ibunya.

QR: Jadi, berkenaan dengan salah silah keluarga, ada tak Encik berketurunan lain?

BA: Salah silah keluarga daripada saya dan juga aaa ibu dan bapa saya memang daripada berketurunan Jawa lah.

QR: Adakah adik-beradik Encik tinggal di kampung ini ataupun berjauhan?

BA: Aaa kalau kira adik beradik, aaaa cuma adik saya yang bongsu satu ibu tu [itu] ya yang tinggal di peninggalan rumah orang tua dulu-dulu lah dan yang lain semua memang merantau lah ada di Johor Bahru, ada di Port Dickson, ada di Perak, ada di Kuala Lumpur ada yang duduk di Pahang cuma satu (1) orang saja lah yang bongsu saja yang ada di kampung ini lah.

QR: Macam kita semua sedia maklum, Encik adalah Ketua Kampung bagi Kampung Bukit Tunggal. Sejak bila Encik mula menjerumuskan diri menjadi salah satu orang penting kampung?

BA: Maksudnya tu [itu] orang penting sebagai ketua kampung ke atau jawatan sebelumnya. Yang saya boleh jelaskan lah saya kalau menjerumuskan aaaa dalam aktiviti

kampung tu [itu] ketika kita daripada pemuda pun memang kita dah [sudah] menjerumuskan lah dan ketika itu saya pernah memegang jawatan Ketua Pemuda UMNO Cawangan. Selepas itu, saya pernah memegang Ketua UMNO [The United Malaya National Organisation] Cawangan dan seterusnya saya sampai ini hari daripada dua ribu enam (2006) sampai sekarang lah saya memegang ketua kampung lah jadi adalah jawatan-jawatan lain macam pengerusi aaaa sekolah kebajikan agama saya masih lagi pengerusi daripada ditubuhkan sampai sekarang. Itulah dan ada lagi jenis-jenis perkara yang lain itu yang dalam kampung lah.

QR: Encik merupakan Ketua Kampung yang ke berapa untuk kampung ini?

BA: Kalau kalau tak [tidak] silap saya lah yang mulanya ketua kampung Haji Abdul Rahman bin Abdul seterusnya Haji Abidin bin Kesseng yang kedua (2) yang ketiga (3) Haji Muhamat bin Haji Hasim dan yang seterusnya saya lah sekarang.

QR: Adakah Encik cenderung kearah kepimpinan sejak kecil?

BA: Soal kecenderungan ni [ini] saya rasa ianya dengan sendirinya datang contohnya kalau kita mengikuti aktiviti ataupun majlis-majlis jadi kalau kita kata orang ringan tulang ringan tulang, kalau buat kerja tak [tidak] perlu disuruh, nak [hendak] mintak [minta] tak [tidak] perlu dipinta, nak [hendak] memberi kata orang tak [tidak] payah disuruh jadi secara tak [tidak] langsung itu lah ianya dengan sendirinya sebenar benda ni, benda ini bukan boleh dipaksa kalau dipaksa pun kalau kita takde [tidak ada] dalam jiwa kita ianya tidak semudah itu boleh memberi kerjasama kepada yang lain.

QR: Apakah yang mendorong untuk Encik menjadi Ketua Kampung?

BA: Untuk yang mendorong saya menjadi ketua kampung yang sebenarnya untuk jawatan ini memang saya pun bukan memikirkan saya berminat untuk ketua kampung dan saya pun bukan dilahirkan sebagai ketua kampung dan juga pada mulanya saya memang langsung takde [tidak ada] terpikir langsung untuk menjadi ketua kampung apatah lagi untuk siapa yang mendorong kerana saya pun pernah berbincang dengan keluarga sebelum saya memohon ketua kampung jadi keluarga pun tidak merestui saya memegang ketua kampung dan ketika itu dan saat itu permohonan telah diutarakan oleh pihak jabatan jadi pihak penghulu telah memberi borang kepada saya dan saya pun ketika itu memang saya tidak takde [tidak ada] berminat kata orang jadi saya pun abaikan dan seterusnya ketika itu Tok Penghulu Tok Latif Berkaliman, Penghulu Jementah saya ingat masa itu dan saat itu aaaa pukul 3.45 saya dalam perjalanan balik dari Segamat ke rumah Tok Penghulu telefon suruh datang ke pejabat saya terus ke pejabat dan beliau bercakap Bahron, dia kata borang mana? Saya kata saya cakap Tok saya memang takpe [tidak apa] lah bagi lah orang lain saya insyallah saya cuba membantu. Beliau suruh mengisi borang cuma saya pegang kata-kata dia *time* [ketika] tu [itu] ketika itu saya terus tandatangan lah bila saya tersentuh atas pandangan dan nasihat Tok Penghulu Latif, dia kata kite [kita] ni dilahirkan satu panjang untuk keluarga kite [kita] dan kita kena ingat selain daripada keluarga kita mungkin kita ni [ini] dilahirkan selain daripada keluarga kita untuk orang lain jadi saya nasihat tu [itu] saya tersentuh jadi saya pun *sign* [tanda tangan] lah borang tu dan itu lah secara tak [tidak] langsung jadi *interview* [temubual] dah tertulis dan saya kena terima seadanya.

QR: Adakah ahli keluarga Encik ada yang pernah menjadi Ketua kampung atau memegang apa-apa jawatan kuasa kampung?

BA: Aa kalau ikut sejarah aaa keluarga saya memang seingat saya memang takde [tidak ada] langsung takde [tidak ada] dalam cuma sebelumnya saya ingat cuma adik saya pernah menjadi SU [setiausaha] JKK [jawatan kuasa kampung] sekejap lah ketika itu dia beliau tinggal di sini lepas tu [itu] beliau berpindah di tempat lain jadi beliau meletakkan jawatan lah. Cuma tu [itu] lah adik saya Ali bin Ahmad pernah menjadi SU [setiausaha] di kampung ni [ini].

QR: Bagaimana Encik boleh dilantik menjadi Ketua Kampung?

BA: Aaa prosedur dia sekarang ketua kampung ni [ini], aa sekarang dia pihak pejabat akan mengumumkan mengumumkan aa ada jawatan yang kosong jadi kita kena mohon lah mohon jadi aa dia akan di *interview* [temubual] di *interview* [temubual] dia kelayakan dia kalau ketua kampung sekurang-kurangnya pun selain daripada apa boleh membaca, menulis dan mengira dia mesti ada darjah enam (6) kalau dulu lah tapi kalau sekarang yang disarankan oleh KKLW [Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah] seelok-eloknya sampai ke tahap diploma kalau disarankan sekarang lah disarankan oleh Jabatan Luar Bandar.

QR: Sebelum menjadi Ketua Kampung Encik buat apa?

BA: Saya sebelum menjadi ketua kampung memang saya kerja kampung lah berbagai kerja yang terutamanya memang kerja saya memang menoreh getah di kampung memang menoreh getah di kampung.

QR: Macam mana Encik boleh mula masuk melibatkan diri menjadi Ketua Kampung, aktif dengan Kampung?

BA: Aa berkenaan dengan melibatkan diri menjadi ketua kampung itu yang saya katakan tadi aa ikut prosedur dia kita mohon borang benda tu [itu] dipanggil dia, dia di temuduga aa kebetulan ketika itu saya jawatankuasa UMNO bahagian Segamat saya memegang jawatankuasa UMNO bahagian Segamat jadi aa ketika temuduga itu ianya melibatkan daripada pegawai-pegawai daerah aa daripada ahli dewan undangan negeri, daripada jabatan agama, dan juga daripada ketua UMNO bahagian Segamat dan mungkin ketika itu dan di saat itu tok ketua UMNO bahagian telah kata orang memberi keyakinan kepada jabatan-jabatan berkenaan saya ini calon-calon yang di temuduga mendapat kelayakan untuk menggunakan sebagai kerana ketua-ketua kampung di daerah di negeri Johor khususnya kebanyakannya selain daripada jabatan-jabatan berkenaan aa panelnya yang perlu diambil kira adalah daripada ketua UMNO bahagian jadi di Johor. Jadi saya pun melepaskan beberapa bertemu dengan MB [Menteri Besar] apa semua sekali, jadi saranan tu [itu] kerana daripada UMNO tu [itu] yang melihat aa ianya sebahagian besar boleh menerajui dan boleh diterima oleh penduduk-penduduk setempat jadi yang mana itu lah aa ... sokongan daripada ketua UMNO bahagian menguatkan untuk seorang aa itu untuk menjadi ketua kampung di Johor.

QR: Sepanjang Encik pegang kepimpinan sebagai Ketua Kampung di Kampung Bukit Tunggal, apa spesifik kerja Encik sebagai Ketua Kampung?

BA: Maksudnya kerja yang saya lakukan. Pada sebenarnya sebagai ketua kampung ni [ini] tugasnya adalah banyak bukanlah ketua kampung ni [ini] tugasnya hanya untuk mendamaikan yang sebenarnya tugas ketua kampung ni [ini] membantu khasnya kepada orang-orang yang miskin, orang-orang kurang upaya dan ketua kampung ni tugasnya menyalurkan daripada agensi-agensi tertentu khasnya daripada pihak jabatan contohnya

katakan lah ade [ada] bantuan BRIM [Bantuan Rakyat Satu Malaysia] contohnya kadang-kadang kite [kita] memastikan ade [ada] anak-anak buah kite [kita] yang orang ada orang-orang celih daripada bukan berkenaan itu salah satu kita punya membantu dan juga selain daripada aa ape [apa] tu [itu] kegunaan harian contohnya kegunaan jalan, api [elektrik] dan air dan juga bantuan-bantuan tertentu daripada pihak kerajaan kerana ketua kampung ni [ini] apa-apa pun pihak daripada pejabat daerah ianya akan menyalurkan kepada tok penghulu, tok pengulu akan terus salurkan kepada ketua kampung dan ketua kampung akan bertindak lah bertindak bertindak bukan katanya saya ni [ini] bertindak sebagai YDP [Yang Dipertua] lagi berat kerana contohnya katalah saya menjaga ketua kampung lima puluh enam (56) ketua kampung kadang-kadang ade [ada] pejabat daerah menghubungi ketua kampung berkenaan jadi ianya perkara itu nak [hendak] segera jadi saya terpaksa membantu cara mana bagaimana maklum balas daripada kampung berkenaan jadi itu lah yang saya cakap tadi tugas saya memang penuh sama ada saya nak menjalankan tugas dengan sepenuhnya ataupun kite [kita] nak [hendak] sambal lewa ya itu yang sebenarnya tugas ketua kampung ni [ini] dua puluh empat (24) jam tugas ketua kampung ni [ini] dia bukan macam penghulu, penghulu pun dua puluh empat (24) jam juga tapi kalau jarang kalau orang cari tengah malam penghulu jarang kan tetapi ketua kampung tak [tidak] diorang tak [tidak] kira ko [kau] pagi ke, petang ke, siang ke, malam bukan saya saja sebagai ketua kampung dan SU [setiausaha] saya pun begitu juga kadang-kadang saya tidak dapat dihubungi ataupun saya ke luar kawasan saya biasanya akan maklumkan kepada SU [setiausaha] saya saya ke luar kawasan dan juga saya akan maklumkan kepada imam supaya seandainya berlaku sesuatu jadi kita sedia bertindaklah tak [tidak] perlunya ada saya contohnya ada kematian itu itu fardhu kifayah tak [tidak] kan nak [hendak] tunggu sampai ketua kampung balik jadi itulah tugasnya saya menyerahkan kepada SU [setiausaha] dan juga imam dan jawatan-jawatan kuasa yang lain lah memang saya memberi mandat penuh lah kepada beliau.

QR: Sebagai Ketua Kampung di kampung ini adakah Encik diberi jangka masa tertentu sepanjang perkhidmatan Encik sebagai Ketua Kampung?

BA: Aa untuk makluman sebagai ketua kampung aa dahulu ketua kampung sampai usia ke enam puluh (60) tahun untuk makluman, aa selepas enam puluh (60) tahun aa sebagai ketua kampung ni [ini] kalau nak diikutkan prosedurnya dia akan bersambung-sambung bersambung-sambung aa dia akan disambung oleh ... manakala kalau lah ketua kampung ini dari segi kualiti takde [tidak ada] ataupun kesihatan jadi sebagai ketua kampung ini boleh ditamatkan perkhidmatan. Tamat perkhidmatannya dia kalau ikutkan setahun (1) setahun (1) biasanya dua (2) tahun ke tiga (3) tahun lah tapi kite [kita] aa yang terkini sebelumnya daripada enam puluh (60) ke enam puluh lima (65) tapi yang terkini ketua kampung sampai usia enam puluh sembilan (69) tahun enam puluh sembilan (69) tahun jadi sebagai penjawat ketua kampung sekarang enam puluh sembilan (69) tahun maksudnya perkhidmatan tu [itu] dah tamat lah. Tetapi tengoklah keadaan pejabat akan keluarkan surat war-warkan lepastu [selepas itu] menjangkau ke sampai ... masa dalam proses maksudnya biasanya ketua kampung itu mampu lah kalau beliau masih sihat dan sebagainya biasanya begitu lah di Johor amnya khasnya.

QR: Seterusnya bagaimana Encik membahagikan masa jawatan ketua kampung dan ketua keluarga?

BA: Membahagikan masa ni [ini] memang tertakluk kepada kita nak [hendak] kata kan kita ni [ini] sibuk sangat pun tidak jugak nak [hendak] kata kan tak [tidak] sibuk pun sibuk jugak, biasanya ketua kampung ni [ini] kebanyakannya kita terlibat dalam luar kampung luar ban [bandar] contohnya selain daripada pejabat-pejabat daerah biasanya kalau pihak RISDA [Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah], pihak pertanian itu biasa ni dadah biasanya tiga jabatan tu RISDA [Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah], Pertanian, Dadah aa Kebajikan Masyarakat itu

memang selalu kita dipanggil untuk kita apa tu [itu] mesyuarat bulanan dan aktiviti dan termasuk lah lain-lain jabatan.

QR: Selepas tamat tempoh perkhidmatan, adakah Encik akan bersara atau akan menyambung perkhidmatan Encik semula?

BA: Aaa itu saya telah nyatakan kalau kita rasa kita mampu dan pihak yang berwajib memerlukan jadi kita kena teruskan lah itupun kalau saya berminat kalau dah [sudah] tak [tidak] berminat tu [itu] aa apakan daya tapi biasanya untuk makluman ketua kampung sekarang lah, sekarang memang tidak semudah itu ingin mencari pengganti kerana kebanyakan diwar-warkan borang berkenaan yang mohon ada setengah tempat tu [itu] ramai tetapi kelayakan beliau tidak menepati apa yang pejabat nak [mahu] jadi terpaksa lah ketua kampung memangku untuk sementara ataupun kampung sebelah contohnya macam saya sekarang memangku Kampung Paya Lebar, kampung bersebelahan kerana memang tiada pengganti jadi sekarang bukan semudah itu untuk menjadi untuk mencari pengganti ketua kampung.

QR: Pada pendapat Encik, apakah ciri-ciri utama yang perlu ada untuk menjadi ketua kampung?

BA: Ciri-ciri untuk menjadi ketua kampung saya nak [mahu] komen pun aaa serba salah juga ialah tetapi yang jelas dan nyata benda menjadi ketua kampung ni [ini] yang saya nyatakan yang pertama sekali kita boleh menjalankan tugas apa yang pihak-pihak jabatan mahu dan juga boleh menerima teguran dan pandangan dan juga kita kena berkorban dari segi masa, wang ringgit dan juga dari segi kekeluargaan kita masa kita kekeluargaan kadang-kadang kita terpaksa korbankan contoh macam saya kalau saya untuk mengaturkan cuti-cuti berkenaan saya tak [tidak] boleh untuk keluarga, terpaksa keluarga yang yang

mengaturkan terpaksa saya kadang-kadang saya terpaksa lah ambil ruang dan masa supaya kita dapat lah membahagikan masa walaupun sedikit kepada keluarga dan juga kepada aa masyarakat kerana untuk menjadi ketua kampung ni [ini] aa kadang-kadang menyatakan contoh banyak pesara-pesara kerajaan contohnya tentera, polis, pegawai RISDA [Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah] dan FELCRA [Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan] yang bertaraf pengurus aaa tetapi telah di *interview* [temubual] ada juga yang tak [tidak] lepas kerana menjadi ketua kampung ni [ini] aa yang dia mahu contohnya katakan lah saya sebagai pegawai tinggi polis contohnya jadi ~~kata~~-kata orang jadi ketua kampung tidak boleh marah cara kita berkhidmat dengan anggota unit beruniform dengan anak-anak buah tidak boleh jauh bagai bumi dan langit maksudnya kita jadi ketua kampung perlu bertimbang rasa, bertolak ansur, cara diplomasi, dan perlu kita dekati itu lah ciri-ciri sebahagian yang perlu ada untuk menjadi ketua kampung ni.

QR: Siapakah yang membangunkan Kampung Bukit Tunggal ini?

BA: Kalau ikut sejarah yang membangunkan Kampung Bukit Tunggal ni [ini] sejarah dia Bukit Tunggal ini dulu penempatan penempatan lepastu [selepas itu] dilantik ketua kampung, ketua kampung Haji Abdul Rahman bin Abdul, ketua kampung yang mula lah jadi beliau dulu lah setelah penempatan kerajaan pada tahun ni [ini] jadi wujud lah wajar seorang ketua kampung. Pada yang mulanya tu [itu] lah Haji Abdul Rahman bin Abdul.

QR: Ada tak individu-individu tertentu yang terlibat dalam membangunkan kampung ini?

BA: Kalau untuk membangunkan aaa dalam pada awalnya saya tak tau [tidak tahu] lah tetapi setelah aaa saya terlibat dalam masyarakat saya memang ada saya tau [tahu] ada

individu-individu yang mendermakan untuk membangunkan Kampung Bukit Tunggol ketika itu saya pun belum memegang jawatan lagi.

QR: Berapa banyak ketua Kampung Bukit Tunggol yang wujud sebelum ini?

BA: Ketua kampung Bukit Tunggol yang wujud sebelum ini ada tiga orang lah yang pertama Alyarham Abdul Rahman bin Abdul, yang kedua tu [itu] yang saya nyatakan tadi Haji Abidin bin Kesseng, yang ketiga Haji Muhamat bin Haji Hasim yang seterusnya adalah saya daripada dulu sampai sekarang.

QR: Setiap kampung ada kepadatan penduduknya tersendiri macam Bukit Tunggol, berapakah anggaran kasar jumlah para penduduknya?

BA: Keseluruhan penduduk Bukit Tunggol seramai tujuh ratus lima puluh lapan (758) orang, lelakinya tiga ratus tujuh puluh lapan (378) wanitanya tiga ratus lapan puluh (380) orang. Aaa dia ada rangkaian Paya Mengkuang, Paya Mengkuang aaa ni [ini] rangkaian seratus empat puluh tiga (143) orang. Aaa bilangan jumlah keluarga semua ... dua puluh satu (21) buah lah, bilangan rumah lapan puluh lapan (88) buah keseluruhan satu kosong sembilan (109) buah jadi bilangan penduduk lelaki aaa yang Kampung Paya Mengkuang tujuh puluh dua (72) orang yang Bukit Tunggol punya tiga ratus enam (306) orang. Yang bilangan penduduk wanita Bukit Tunggol tiga ratus sembilan (309) orang, Kampung Paya Mengkuang tujuh puluh satu (71) orang. Keseluruhan tiga ratus lapan puluh (380) orang. Jadi keseluruhan semua sekali bilangan penduduk tujuh ratus lima puluh lapan (758).

QR: Boleh tak Encik ceritakan dengan lebih ringkas tentang sejarah pembukaan kampung ini?

BA: Sejarah Kampung Bukit Tunggul bermula sejarah dia (bunyi selakan kertas) kita nak [mahu] mengenalpasti benar-benar pun tidak boleh lah saya boleh jelaskan apa yang saya tahu lah pasal salasilah Kampung Bukit Tunggul ni [ini]. Jadi Kampung Bukit Tunggul ni [ini] terletak tiga belas (13) kilometer dari bandar Segamat, sembilan (9) kilometer dari bandar Jementah sekeliling itu FELCRA [Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan] lah ya ada pusat latihan sejauh enam (6) kilometer dan kite [kita] berhampiran dengan UiTM [Universiti Teknologi Mara] lah ya. Semasa darurat tahun sembilan belas empat puluh lapan (1948), semua kampung yang berhampiran iaitu termasuk Kampung Paya Mengkuang, Kampung Pulau Jering rangkaian dahulu lah dan Kampung Bukit Cerbun diarahkan berpindah ke suatu tempat yang lebih selamat iaitu sini lah Kampung Bukit Satu dan sebuah sekolah telah di bina pada tahun sembilan belas lima puluh tiga (1953) dan seorang penghulu yang bernama Penghulu Puntong telah menamakan sekolah tersebut dengan nama Sekolah Kebangsaan *Bukit Tunggul*. Maka dengan sempena itu dengan resminya nama kampung ini telah dinamakan Kampung Bukit Tunggul. Kampung ini telah dipimpin oleh aaa itulah saya nyatakan tadi tiga (3) ketua kampung tu [itu] dan yang terkini adalah saya lah mana situasi kampung ini dari segi kedamaian insyallah sampai ini hari gotong royong mana aktiviti-aktiviti sama ada di kampung sama ada belianya maksudnya orang tua-tuanya alhamdulillah tiada masalah dari segi aktiviti dan sebagainya.

QR: Untuk makluman Encik, Kampung Bukit Tunggul ini diletakkan dibawah mukim apa?

BA: Untuk makluman Kampung Bukit Bukit Tunggul ini dia terletak dalam mukim Jementah, mukim Jementah, Segamat, Johor.

QR: Encik, berapa banyak mukim yang ada dikawasan ini?

BA: Kalau ikutkan mukim hanya satu (1) saja lah mukim di sini kecuali Segamat di Jementah ni [ini] memang satu (1) mukim saja.

QR: Ada berapa banyak kaum yang menetap di sini?

BA: Untuk makluman kampung, kaum memang takde [tidak ada] kaum lain semua kaum melayu islam di sini.

QR: Sejak pembukaan kampung ini, ada tak kaum lain yang pernah menetap di sini?

BA: Seingat saya lah, memang takde [tidak ada] kampung kaum lain yang menetap di sini memang takde [tidak ada].

QR: Bagaimana perpaduan di kampung ini wujud?

BA: Soal kewujudan perpaduan ia sebenarnya kepada kita sebagai pemimpin yang mana kita cuba mengatasi masalah-masalah yang ada ape [apa] pun kita sifat tolak ansur tu [itu] penting dan timbang rasa dari semua pihak bahasanya saya sebagai pemimpin walaupun ianya pahit saya mesti saya pastikan ianya nikmat saya tak [tidak] boleh benda yang pahit rasa pahit itu prinsip saya. Prinsip saya, saya akan mengatasi kemelut-kemelut yang begitu bermasalah tinggi dengan cara yang terlalu maksud saya ni [ini] saya akan mengatasi ianya dengan cara lembut lah maksudnya kalau orang-orang ada masalah

ataupun diaorang [mereka] tengah panas semangat dia tengah membara kita tidak boleh kita menjawab dengan semangat membara dan kita boleh aaa menjawab aaa dengan perasaan marah tatkala dia *cool* [sejuk] dia sejuk kita boleh tatkala dia panas kita sejuk. Itu prinsip saya buat memang sistem macam tu [itu] lah memang saya amalkan diri saya begitu kalau keadaan kritikal saya tak [tidak] akan menjawab dengan tegas saya cara diplomasi tatkala dia dah *relax* [tenang] baru kita serapkan jadi ketika itu saya tu [itu] takde [tidak ada] kata orang bertambah kronik situasi ya itu cara saya lah.

QR: Ada tak perbezaan ketara tentang perpaduan kampung pada zaman dahulu dan sekarang?

